



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

FRIM394/339/1/1(14)

Tarikh : 04.06.2014

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA SIRI 5/2014

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN** : **PEREKA GRED B17**
- (b) **PENEMPATAN** : Unit Pameran, Dasar Pengurusan
- (c) **TARAF JAWATAN** : TETAP/KONTRAK
- (d) **JADUAL GAJI** : RM 936.00 (Minimum) – RM 3,404.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN** : RM 95.00
- (f) **IMBUHAN** :
 - (i) **TETAP KHIDMAT AWAM** : RM115.00
 - (ii) **TETAP PERUMAHAN** : RM180.00
 - (iii) **BANTUAN SARA HIDUP** : RM300.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN** :

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:RM936.00); atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM936.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Seni Grafik [Pereka Grafik (*Graphic Designer*)] atau Perekabentuk Multimedia [Artis Multimedia - Visual (*Multimedia Artist - Visual*)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM1,051.80); atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Seni Grafik [Eksekutif Rekaan Grafik (*Graphic Designing Executive*)] atau Perekabentuk Multimedia [Pereka Bentuk Multimedia - Animasi & Visual (*Multimedia Designer - Animation & Visual*)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM1,109.92);

dan Keujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(h) PENGALAMAN BEKERJA

Berpengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang pengurusan pameran, seni reka/ seni grafik adalah diutamakan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan atas talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) (www.frim.gov.my).

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 23 Jun 2014 (Isnin)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.